

Semua Pengarah Bahagian;

() dlm. PPS.
10/4/2 CUB Jld.2

Semua Pengarah Pengairan dan
Saliran Negeri;

Februari 1996

Semua Jurutera Projek;

Semua Ketua Cawangan/Unit
Ibu Pejabat JPS, Kuala Lumpur;

Semua Ketua Cawangan/Unit
JPS Malaysia, Jalan Ampang;

Semua Jurutera Daerah/Wilayah.

Tuan,

Penjelasan/Pindaan Kepada Surat Pekeliling JPS. UB. 4/1995
Pelaksanaan Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding

Merujuk kepada Surat Pekeliling yang tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa beberapa langkah perlu diambil bagi memperkemas dan melicinkan proses permohonan dan perantukan Perunding di peringkat Jabatan. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kelewatan dalam perantukan perunding bagi melaksanakan kerja-kerja Jabatan, terutamanya kerja-kerja ukur tanah yang merupakan kerja yang paling banyak menggunakan perkhidmatan Perunding.

2. **Langkah-langkah Bagi Mempercepatkan Kelulusan**

Sebagai langkah bagi mempercepatkan kelulusan JPPPA bagi kerja-kerja Ukur Tanah yang bernilai tidak melebihi RM 50,000.00, tindakan-tindakan berikut hendaklah diambil:-

- 2.1 Menurut Surat Pekeliling JPS. UB. 4/1995 di bawah perenggan 3.2.2, semua permohonan daripada JPS Negeri dan Projek hendaklah melalui Pengarah Bahagian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi perantukan Juruukur (selain daripada kerja-kerja di bawah peruntukan P.19/13300), permohonan daripada JPS Negeri dan Projek bolehlah dikemukakan terus kepada Urusetia JPPPA (untuk perhatian Pengarah Ukur Bahan) dan disalinkan kepada Pengarah Bahagian yang berkenaan. Dalam hal sedemikian, Pengarah Bahagian berkenaan akan menjadi salah seorang daripada Ahli JPPPA.

...2/-

- 2.2 Menyediakan senarai kerja-kerja ukur yang akan dilaksanakan sepanjang tahun dan mengemukakan permohonan bagi setiap perlantikan Juruukur sekaligus kepada Urusetia JPPPA.

Setiap borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap termasuk latarbelakang Perunding yang dicadangkan serta salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

3. Bagi membantu pihak Urusetia JPPPA membangunkan rekod maklumat perunding-perunding Juruukur, sila kemukakan senarai bagi kerja-kerja ukur yang telah diberikan kepada Juruukur oleh pihak tuan dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan seperti berikut:-

| Nama & Alamat Perunding | Tajuk Kerja | Nilai dan Tempoh | Ulasan Mengenai Prestasi |
|-------------------------|-------------|------------------|--------------------------|
| | | | |

4. **Pindaan Kepada Lampiran A - Borang Permohonan Perlantikan Perunding**

Adalah dimaklumkan bahawa Lampiran A kepada Surat Pekeliling di atas telah dipinda sebagaimana format baru yang disertakan bersama ini.

Sila pastikan tiap-tiap perlantikan perunding diisi dalam borang yang berasingan jika mengemukakan lebih daripada satu permohonan.

5. Sila pastikan arahan dan format baru Lampiran A ini dibuat salinan secukupnya untuk diedarkan kepada semua kakitangan di bawah penyeliaan tuan sebagai rujukan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)
Timbalan Ketua Pengarah I,
b.p.: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

s.k. - Ketua Pengarah
- Timbalan Ketua Pengarah II.
- Fail PPS 10/10/32 BUB

BORANG PERMOHONAN PERLANTIKAN PERUNDING

1. PEMOHON :
2. NAMA PROJEK :
3. LOKASI PROJEK :
4. SUMBR PEMBIAYAAN :
5. PERUNTUKAN DILULUSKAN :
6. ANGGARAN KOS PROJEK :
7. JENIS/PERINGKAT PERKHIDMATAN PERUNDING DIPERLUKAN (sila tanda yang mana perlu)

| PERINGKAT PELAKSANAAN | |
|-------------------------------|--|
| Kajian Pelan Induk | |
| Kajian Kekesanan Alam Sekitar | |
| Kajian Kemungkinan | |
| Kajian Kejuruteraan | |
| Rekabentuk Terperinci | |
| Penyediaan Dokumen Tender | |
| Penyediaan Pembinaan | |
| Perkhidmatan Pengurusan | |
| Kerja Ukur | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |
| Berikan keterangan ringkas: | |

8. TARIKH TNEDER DIPELAWA :
9. TARIKH PROJEK PERLU DISIAPKAN :
10. JUSTIFIKASI UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN PERUNDING (berikan keterangan ringkas)

11. DISIPLIN PERUNDING:

| Disiplin Perunding Diperlukan & Anggaran Kos Perunding | | |
|--|---------------|--|
| Disiplin Perunding Diperlukan | Kos Perunding | Nama Perunding Dicapangkan (berikan sebab-sebabnya di bawah) |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| <u>Sebab-sebab Perunding Di Atas Dicapangkan</u> | | |
| | | |

12. ULASAN URUSETIA

13. KEPUTUSAN MESYUARAT:

.....
(Pengerusi)

(Ahli)

(Ahli)

(Ahli)

Mesyuarat JPPPA Bil: _____ bertarikh _____